



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2010

**PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TEKNIK KAPAL TERBANG, PEMBANTU TEKNIK UKUR,
PEMBANTU TEKNIK UKUR BANGUNAN DAN PEMBANTU UNDANG-UNDANG**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan nama skim perkhidmatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-undang.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan keperluan memperkemas nama-nama skim perkhidmatan dalam sektor awam, pemakaian nama skim perkhidmatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-undang didapati tidak lagi sesuai. Sehubungan itu, kerajaan bersetuju supaya nama skim perkhidmatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-undang diubah. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan berkenaan dikekalkan.

PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN

3. Perubahan nama skim perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

Sedia Ada	Baharu
Pembantu Teknik Kapal Terbang	Penolong Pemeriksa Kapal Terbang
Pembantu Teknik Ukur	Penolong Juruukur
Pembantu Teknik Ukur Bangunan	Penolong Juruukur Bangunan
Pembantu Undang-undang	Penolong Pegawai Undang-undang

4. Berikutan dengan perubahan nama ini, skim-skim perkhidmatan lain yang memperuntukkan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dari jawatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-undang iaitu skim perkhidmatan Pemeriksa Kapal Terbang, Jurukartografi, Juruukur, Juruukur Bangunan dan Pegawai Undang-undang turut diubah. Perubahan juga turut melibatkan skim-skim perkhidmatan lain yang memperuntukkan KPSL ke jawatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan dan Pembantu Undang-undang iaitu Juruteknik, Juruteknik Ukur, Pembantu Tadbir (Undang-undang) dan Jurubahasa.

5. Perubahan skim-skim perkhidmatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan, Pembantu Undang-undang, Pemeriksa Kapal Terbang, Jurukartografi, Juruukur, Juruukur Bangunan, Pegawai Undang-undang, Juruteknik, Juruteknik Ukur, Pembantu Tadbir (Undang-undang) dan Jurubahasa adalah seperti di [Lampiran A](#), [Lampiran B](#), [Lampiran C](#), [Lampiran D](#), [Lampiran E](#), [Lampiran F](#), [Lampiran G](#), [Lampiran H](#), [Lampiran J](#), [Lampiran K](#), [Lampiran L](#), [Lampiran M](#) dan [Lampiran N](#). Format-format iklan yang diubah adalah seperti di [Lampiran A1](#), [Lampiran B1](#), [Lampiran C1](#), [Lampiran D1](#), [Lampiran E1](#), [Lampiran F1](#), [Lampiran G1](#), [Lampiran H1](#) dan [Lampiran J1](#).

PELAKSANAAN

6. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai perubahan nama skim perkhidmatan pada Senarai Perjawatan sedia ada.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **2 Januari 2011**. Mulai tarikh kuat kuasa pekeling perkhidmatan ini, semua pelantikan sebagai Penolong Pemeriksa Kapal Terbang, Penolong Juruukur, Penolong Juruukur Bangunan dan Penolong Pegawai Undang-undang perlu menggunakan skim perkhidmatan baharu ini dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.


PEMBATALAN

8. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Teknik Kapal Terbang, Pemeriksa Kapal Terbang, Pembantu Teknik Ukur, Jurukartografi, Juruukur, Pembantu Teknik Ukur Bangunan, Juruukur Bangunan, Pembantu Undang-undang dan Pegawai Undang-undang yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 manakala Juruteknik Ukur, Juruteknik, Pembantu Tadbir (Undang-undang) dan Jurubahasa yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009 adalah dibatalkan dan diganti dengan skim perkhidmatan dalam pekeling perkhidmatan ini.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

01 Disember 2010

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan